

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK HAJAH NORAH BINTI ABDUL RAHMAN [ TANJONG MANIS ]**

**TARIKH : 6 NOVEMBER 2014 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**Datuk Hajah Norah Binti Abd Rahman [ Tanjong Manis ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah tumpuan Kerajaan kepada pertumbuhan GNI dan kenaikan pendapatan per kapita untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju hanya akan memajukan kawasan bandar sahaja berbanding kawasan luar bandar.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, komposisi penduduk di Malaysia telah berubah dengan secara mendadak seiring dengan perkembangan ekonomi yang pesat. Pada tahun 1970, hampir 73% penduduk Malaysia mendiami kawasan luar bandar berbanding hanya sebanyak 27% di kawasan bandar. Walau bagaimanapun, peluang pekerjaan yang lebih baik dan kemudahan yang lengkap di bandar-bandar telah mendorong penduduk kawasan luar bandar untuk berhijrah ke kawasan bandar. Oleh itu, pada tahun 2013 komposisi penduduk kawasan luar bandar telah menurun kepada 27% berbanding 73% di kawasan bandar.

Walaupun komposisi penduduk di Malaysia menunjukkan sebahagian besar daripada mereka mendiami kawasan bandar, Kerajaan tidak meminggirkan rakyat di kawasan luar bandar. Pelbagai usaha dan komitmen Kerajaan dalam meningkatkan taraf hidup rakyat terutamanya di kawasan luar bandar telah berjaya mengurangkan kadar kemiskinan luar bandar daripada 14.8% pada tahun 1999 kepada 3.4% pada tahun 2012. Purata pendapatan isi rumah di kawasan luar bandar juga semakin meningkat, iaitu sebanyak RM3,080 pada tahun 2012 berbanding RM1,718 pada tahun 1999. Pengagihan pendapatan di kawasan luar bandar juga menunjukkan prestasi yang semakin baik, di mana terdapat pengagihan pendapatan

yang lebih saksama yang ditunjukkan dengan penurunan dalam pekali Gini iaitu, 0.421 pada tahun 1999 kepada 0.382 pada tahun 2012.

Bagi memastikan prestasi ini kekal mampan dan pembangunan negara dapat terus dinikmati secara inklusif oleh masyarakat bandar dan luar bandar, Kerajaan telah melaksanakan Program Transformasi Luar Bandar untuk membangunkan kampung-kampung moden sejajar dengan ciri negara maju menjelang tahun 2020. Pengenalan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Mempertingkatkan Pembangunan Luar Bandar pada tahun 2009 telah berjaya mempertingkatkan kehidupan penduduk luar bandar di negara ini. Melalui bidang NKRA ini, pelbagai program telah dan sedang dilaksanakan seperti Kampung Abad ke-21, Program Desa Lestari dan program kerjasama bersama sektor swasta bagi penanaman buah-buahan dan sayur-sayuran bermutu tinggi.

Selain itu, Kerajaan turut menumpukan perhatian kepada pelaksanaan infrastruktur asas seperti jalan raya, bekalan air luar bandar, bekalan elektrik luar bandar dan pembinaan rumah di kawasan luar bandar bagi memastikan penduduk luar bandar terutamanya di Sabah dan Sarawak dapat mengecapi nikmat pembangunan negara ini. Masyarakat luar bandar juga telah diberi akses yang lebih besar untuk mendapatkan pelbagai perkhidmatan di bawah satu bumbung melalui penubuhan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) dan mini RTC mulai tahun 2012. Di samping itu, pembangunan pelbagai Koridor merentas negeri akan menentukan pembangunan yang lebih seimbang di luar kawasan-kawasan bandar utama.

Melalui inisiatif dan perancangan pembangunan yang menyeluruh ini, ia menunjukkan komitmen Kerajaan untuk memastikan pembangunan seimbang antara kawasan bandar dan luar bandar. Ia adalah selaras dengan salah satu strategi utama di dalam RMKe-10 iaitu pertumbuhan bertumpu, pembangunan inklusif. Usaha akan terus difokuskan ke arah mencapai sasaran untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Sekian. Terima kasih.

**NO. SOALAN: 22**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS  
[ TELOK KEMANG ]**

**TARIKH : 6 NOVEMBER 2014**

**RUJUKAN : 7187**

**SOALAN:**

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [ Telok Kemang ] minta  
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-**

(a) jumlah pendatang asing mengikut negara yang telah didaftarkan dalam Program 6P; dan

(b) nisbah pendatang asing yang telah didaftar dan bekerja berbanding dengan jumlah pekerja tempatan dalam sektor perladangan, perkilangan dan lain-lain.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman jumlah pendatang asing mengikut negara yang telah didaftarkan dalam Program 6P adalah seperti berikut:-**

<b>BIL</b>	<b>WARGANEGARA</b>	<b>JUMLAH PATI</b>	<b>JUMLAH PENDATANG ASING SAH</b>	<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>
1	INDONESIA	640,609	405,312	1,045,921
2	BANGLADESH	267,803	132,897	400,700
3	MYANMAR	144,098	113,485	257,583
4	NEPAL	33,437	221,617	255,054
5	INDIA	52,478	54,949	107,427
6	FILIPINA	47,589	4,713	52,302
7	VIETNAM	13,515	42,707	56,222
8	PAKISTAN	22,121	11,928	34,049
9	CAMBODIA	24,780	6,460	31,240
10	THAILAND	9,455	4,470	13,925
11	CHINA	3,327	6,195	9,522
12	SRI LANKA	5,601	2,663	8,264
13	LAIN-LAIN	38,313	9,519	47,832
	<b>JUMLAH</b>	<b>1,303,126</b>	<b>1,016,908</b>	<b>2,320,034</b>

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman, di bawah Program 6P dan Program Khas Pendaftaran PATI (PKPP) sehingga 14 Mac 2014, seramai 38,726 orang PATI telah diputihkan untuk bekerja dalam sektor perladangan, 100,253 orang dalam sektor perkilangan dan 210,379 orang dalam sektor pembinaan.**

**Kementerian Dalam Negeri tidak dapat memberikan nisbah pendatang asing yang telah didaftar dan bekerja berbanding dengan jumlah pekerja tempatan dalam sektor – sektor tertentu memandangkan tiada rekod jumlah pekerja tempatan.**